



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/1/2012

ISNIN 23 JANUARI 2012



MAHATHIR Mohamad (tengah) berbual dengan Geoffrey Briscoe (kiri) sambil diperhatikan Razak Latiff pada majlis makan tengah hari sempena kejohanan Terbuka Malaysia BMW 2012 di Kuala Lumpur, semalam.

WTA Terbuka Malaysia di Langkawi

KUALA LUMPUR - Pulau Langkawi bakal menjadi lokasi penganjuran kejohanan tenis WTA Terbuka Malaysia tahun depan, yang bakal mampu merancakkan industri pelancongan pulau legenda itu.

Setiausaha Kehormat Persatuan Lawn Tennis Malaysia (LTAM), Ibrahim Abubakar berkata, penganjuran di Langkawi disebabkan kedudukannya sesuai untuk kejohanan WTA yang lazimnya diadakan di tepi pantai.

"Dengan penaung kejohanan ini Tun Dr. Mahathir Mohamad, peluang untuk kita ke Langkawi adalah cerah.

"Selalunya kejohanan WTA diadakan kawasan tepi pantai seperti yang diadakan di Bali, kerana ia adalah kejohanan yang memerlukan pemain beraksi di gelanggang terbuka," katanya selepas majlis makan tengah hari sempena Ke-

johanan Tenis BMW Terbuka Malaysia 2012 di sini, semalam.

Hadir sama bekas Perdana Menteri yang juga penaung kejohanan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Presiden LTAM, Tan Sri Razak Latiff, Pengerusi Eksekutif Carbon Worldwide Sdn. Bhd. merangkap penganjur kejohanan, Keld Kristiansen dan Pengarah Urusan Kumpulan BMW Malaysia, Geoffrey Briscoe.

Sementara itu, Ibrahim berkata, kemungkinan satu vanue baru akan dibangunkan di Langkawi untuk kejohanan WTA tahun depan.

"Mungkin satu venue baru yang bersesuaian akan dibangunkan di Langkawi menggunakan gelanggang keras.

"Kejohanan WTA adalah untuk perlawanan pada gelanggang terbuka dan penganjuran di Langkawi dilihat amat sesuai," kata Ibrahim.